

AKHBAR : BH AHAD
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Wadah Pembaharuan

BH AHAD

Diterbit sejak 1957 www.bharian.com.my

Belum ada ketetapan wujudkan satu gred beras putih, kerajaan nafi buat pusingan U isu Beras Putih Malaysia MADANI

Nasional 4



18 Februari 2024 | 8 Syaaban 1445H | Tel: 1 300 22 6787 | PP 414/10/2012 (030686) | RM2



Perang Palestin-Israel

Israel mula bedil Rafah, Mesir teruskan usaha rundingan gencatan senjata

Dunia 22

Warga asing tak bayar bil hospital RM100 juta

Ramai warga asing terutama pendatang tanpa izin (PATI) dikenal pasti gagal melangsaikan tunggakan bil perubatan di klinik serta hospital kerajaan dengan angka terbaharu mencecah RM100 juta setakat akhir tahun lalu. Ini diburukkan lagi apabila terdapat kelompongan sistem rekod serta pengesanan pesakit warga asing di hospital awam sehingga mereka mudah melepaskan diri.

Oleh Fahmy A Rosli → **Nasional 3**



AKHBAR : BH AHAD
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

Warga asing 'lesap' tak bayar tunggakan bil hospital RM100j

KKM tanggung kerugian, terpaksa lupus hutang

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bermoddalkan alasan 'janji akan bayar', ramai warga asing terutama pendatang tanpa izin (PATI) gagal melangsaikan tunggakan bil perubatan di klinik serta hospital kerajaan sehingga menelan ratusan juta ringgit.

Ini termasuk kos bagi rawatan bersalin, kecemasan, pemeriksaan pesakit luar serta pengambilan ubat, sama seperti yang dinikmati rakyat tempatan yang lain.

Selain memberikan pelbagai helah, ada segelintir warga asing yang terus 'lesap' selepas mendapatkan rawatan sehingga Kementerian Kesihatan (KKM) berputih mata apabila perlu menanggung kerugian, termasuk terpaksa melupus hutang angkara sikap warga asing terbabit.

Sumber KKM memberitahu BH, angka terbaru menunjukkan sehingga akhir 2023, jumlah tunggakan membabitkan bil rawatan warga asing mencecah kira-kira RM100 juta.

"Bila sebut warga asing, ia termasuk mereka berstatus pelarian, sama ada berdaftar atau tidak berdaftar serta pendatang asing tanpa izin yang mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan awam.

"Rawatan terpaksa diberikan kepada warga asing atas dasar hak asasi manusia dan simpati, walaupun status mereka dicuri-

Eksklusif

gai atau mereka ini PATI sekali pun.

"Meskipun mereka sudah mendaftar dengan kita dan ada membayar deposit terlebih dahulu, akhirnya mereka lolos juga kerana enggan membayar tunggakan bil rawatan yang mungkin melebihi jangkaan mereka.

"Antara alasan yang sering digunakan adalah tiada duit, janji nak bayar kemudian dan ada juga hilang begitu sahaja," kata sumber kepada BH.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, ketika dihubungi mengesahkan jumlah tunggakan itu dan berkata, pihaknya akan mengeluarkan kenyataan berhubung isu berkenaan.

Ketika ini, beliau berkata pihak pengurusan dan teknikal KKM sedang mengadakan perbincangan mengenai isu berkenaan.

Difahamkan, warga asing yang 'berhutang' dengan hospital kerajaan dalam bentuk bil perubatan membabitkan 38 negara sejak beberapa tahun lalu.

Selain negara rantau Asia seperti India, Myanmar dan Indonesia, terdapat juga warga asing terbabit dari negara maju seperti United Kingdom (UK), Amerika Syarikat (AS), Jerman, Finland, Singapura, Sweden dan Jepun.

Mengikut laporan pada 2017, warga asing yang berhutang dengan Hospital Kuala Lumpur (HKL) sahaja mencecah RM7.87 juta dalam bentuk bil perubatan berbanding RM3 ju-



KKM menanggung kerugian angkara sikap warga asing yang culas bayar bil perubatan.

(Foto hiasan)

ta tahun sebelumnya.

Sementara itu, beberapa kakitangan hospital kerajaan yang ditemui BH mengakui isu warga asing culas membayar tunggakan bil rawatan berlaku di semua hospital dan fasiliti di bawah KKM.

Mereka memaklumkan, isu berkenaan sudah lama berlaku dan sampai sekarang, tiada penyelesaian tuntas diambil pihak hospital khususnya KKM.

Sikap mudah simpati

Difahamkan, sikap mudah simpati dan terlalu bertoleransi pentadbir hospital antara punca segelintir warga asing dilihat begitu senang mengambil kesempatan.

Ia diburukkan lagi dengan dakwaan terdapat kelompokan sistem rekod serta pengesanan pesakit warga asing di hospital kerajaan, membuatkan warga asing dilihat mudah melepaskan diri daripada membayar tunggakan bil perubatan.

Ia dibuktikan dengan kenyataan Ketua Setiausaha KKM, Da-

tuk Seri Dr Chen Chaw Min dalam laporan 15 April 2017, yang mendedahkan Kementerian pada waktu itu tidak menyimpan maklumat pesakit warga asing berdasarkan kewarganegaraan mereka.

Terdapat satu kes membabitkan seorang warga UK yang ditimpa kemalangan jalan raya sehingga terpaksa dikejarkan ke hospital kerajaan di Lembah Klang untuk mendapatkan rawatan.

Selepas dibenarkan keluar wad, pelancong asing itu mendakwa tiada wang untuk melangsaikan tunggakan bil rawatan berjumlah lebih RM20,000 sambil berjanji akan berbuat demikian apabila pulang ke negaranya.

Kes itu dikatakan berlaku beberapa tahun lalu, namun sampai sekarang warga UK berkenaan masih gagal melunaskan tunggakan bil berkenaan bahkan tidak dapat dikesan, meskipun pihak hospital ada meminta bantuan daripada pihak kedutaan untuk mengesan individu terbabit.

Tidak kurang pula segelintir

warga asing yang bekerja di negara ini, turut pernah meloloskan diri daripada membayar kos rawatan di fasiliti kerajaan yang kebanyakan membabitkan ibu bersalin.

Hospital kerajaan sering kali menjadi 'sasaran' warga asing ini kerana pakej kos bersalin dan melahirkan anak yang murah sekitar RM3,000, jauh lebih berpatutan berbanding perkhidmatan ditawarkan hospital swasta.

Walaupun kosnya murah, ada segelintir warga asing menggunakan pelbagai helah untuk membayar kos keseluruhan rawatan sehinggakan sanggup mengambil risiko dengan melarikan diri dari wad hospital.

Perkara itu diakui seorang kakitangan hospital kerajaan bahawa banyak kes wanita warga asing yang selesai bersalin di hospital kerajaan melarikan diri wad hanya semata-mata tidak mahu membayar bil rawatan.

Difahamkan, antara taktik warga asing berkenaan adalah menyelip keluar dari wad rawatan pada waktu melawat.

Tiada data bersepadu sukarkan senarai hitam

Kuala Lumpur: Tindakan menyenarai hitam warga asing yang dikesan culas melangsaikan hutang bil perubatan hospital kerajaan berdepan kesukaran apabila apabila tiada sistem bersepadu yang menghubungkan data Kementerian Kesihatan (KKM) dengan Jabatan Imigresen ketika ini.

Sumber imigresen mendedahkan, pihaknya hanya bergantung kepada permohonan daripada KKM sekiranya kement-

erian itu mahu menyenarai hitam warga asing berkenaan.

Menurut sumber terbabit, pihaknya juga jarang menerima permohonan daripada KKM untuk menyenarai hitam warga asing yang mempunyai tunggakan bil perubatan hospital kerajaan.

Situasi itu, membuatkan imigresen tidak dapat mengambil tindakan lanjut, termasuk menyekat mereka daripada pulang ke negara masing-masing.

"Sistem imigresen memang tidak ada link (tidak menghubungkan) dengan status bil hospital kerajaan. Sebenarnya, kalau diikuti, pihak hospital atau KKM sendiri yang akan mohon dengan kita untuk menyenarai hitam warga asing yang gagal bayar tunggakan bil rawatan. Ia bukan automatik.

"Ia sama dengan kes mengelak cukai pendapatan. Kita tak ada sistem untuk periksa berapa hu-

tang mereka. Hanya untuk senarai hitam, itu pun kalau ada permintaan dari agensi atau Kementerian berkenaan," katanya kepada BH.

Kira-kira tujuh tahun lalu, seorang Ahli Dewan Negara pernah membangkitkan isu warga asing culas membayar bil rawatan di hospital kerajaan di Parlimen.

Menurut Senator Siti Aishah Shaik Ismail, beliau menyarankan agar KKM tidak berkomp-

romi dengan warga asing yang culas membayar kos perubatan susulan terdapat laporan yang mendakwa, jumlah tunggakan hutang terpaksa ditanggung kerajaan mencecah RM50.5 juta dari 2012 hingga 2016.

Justeru, beliau menggesa KKM mewujudkan mekanisme khas bagi memastikan warga asing yang mendapat rawatan di fasiliti kesihatan kerajaan, membayar bil perubatan yang dikenakan.

AKHBAR : BH AHAD
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NASIONAL

BH AHAD 18 Februari 2024

Nasional

15

Sambutan Hari Kanser Sedunia



Dr Dzulkefly menandatangani ikrar kerjasama merapatkan jurang pencegahan dan penjagaan kanser pada Sambutan Hari Kanser Sedunia di Universiti Cyberjaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Tempoh tunggu rawatan di fasiliti KKM sebulan

Pesakit kanser berdepan kecemasan akan diberi keutamaan

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Cyberjaya: Tempoh menunggu rawatan kanser di fasiliti Kementerian Kesihatan (KKM) ambil masa sebulan bergantung kepada tahap kesihatan pesakit, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Bagaimanapun, katanya, sekiranya pesakit itu dikenal pasti berdepan kecemasan rawatan akan dilakukan dengan segera.

Selain hospital kerajaan, KKM juga mengadakan kerjasama dengan hospital swasta bagi merawat pesakit yang berdepan kecemasan.

"Ketika ini KKM menyediakan sembilan pusat onkologi di seluruh negara bagi membantu pesakit membuat rawatan kanser," katanya pada Majlis Sambutan Hari Kanser Sedunia di Universiti Cyberjaya semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Kesihatan, Dr Muhammad Radzi.

Peluang akses rawatan

Antara hospital yang menyediakan rawatan kanser termasuk Institut Kanser Negara (IKN), Hospital Pulau Pinang, Hospital Johor Bharu, Hospital Umum Sarawak, Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah.

Dzulkefly berkata, KKM sentiasa berusaha memastikan setiap insan berpeluang mendapat akses kepada penjagaan kanser yang berkualiti dan tidak mengira apa juga keadaan setiap individu berhak mendapat peluang terbaik untuk melawan penyakit ini.

Menerusi Pelan Strategik Kebangsaan bagi Program Kawalan Kanser 2021-2025 KKM menyediakan perkhidmatan yang komprehensif dalam rawatan kanser.

"IKN adalah contoh komitmen kerajaan dalam merealisasikan perkara ini dan kerajaan juga bercadang menambah fasiliti di seluruh negara bertujuan menambah baik akses kepada pesakit yang memerlukan serta mengukuhkan program penjagaan sokongan," katanya.

AKHBAR : BH AHAD
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : NASIONAL

18 mangsa kebocoran gas ammonia stabil

Cyberjaya: Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan 18 mangsa yang dirawat di tiga hospital sekitar Lembah Klang susulan insiden kebocoran gas ammonia di sebuah kilang di Kawasan Perindustrian Bukit Raja, Seksyen 7, Shah Alam kelmarin dalam keadaan stabil.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata 10 mangsa dimasukkan ke Hospital Shah Alam dan lima lagi di Hospital Tengku Ampuan Rahimah manakala tiga di Hospital Sungai Buloh.


"Keadaan mereka stabil, 14 daripada mereka mengalami gejala ringan yang boleh dirawat seperti pesakit luar. Empat mangsa lagi termasuk dua ibu mengandung dimasukkan ke dalam wad bagi pemantauan, namun tiada kemasukan pesakit ke unit rawatan rapi," ka-

tanya selepas merasmikan Sambutan Hari Kanser Sedunia semalam.

Injap tangki bocor

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Ahmad Mukhlis Mokhtar kelmarin dilaporkan berkata pihaknya menerima panggilan jam 11.15 pagi dan mendapati terdapat kebocoran gas ammonia daripada injap tangki penyimpanan gas tersebut.

Ketua Polis Daerah Shah Alam Asisten, Komisioner Mohd Iqbal Ibrahim, berkata siasatan awal mendapati kebocoran berlaku apabila jentera pengangkat terlanggar injap satu tangki ammonia, ketika kerja mengalihkan tangki tersebut, manakala pihak kilang telah menghubungi vendor untuk membaiki injap terbabit dan operasi tamat pada 6.30 petang Jumaat.



Pasukan Pengurusan Bahan Berbahaya (HAZMAT) melakukan kerja menutup injap tangki penyimpanan gas yang bocor. (Foto ihsan bomba)

AKHBAR : KOSMO AHAD
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA



DR. DZULKEFLY (tiga dari kanan) ketika Majlis Perasmian Sambutan Hari Kanser Sedunia 2024 di Cyberjaya, Sepang semalam. - FAIZ ALIF ZUBIR

KKM beri tumpuan rawatan ikut keseriusan

Paling lama pesakit kanser tunggu 30 hari

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

CYBERJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) tidak mengesan sebarang isu pesakit kanser yang terpaksa menunggu terlalu lama bagi mendapatkan rawatan terutama di hospital-hospital kerajaan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, mengikut kebiasaan, setiap pesakit kanser hanya perlu menunggu sekurang-kurangnya 30 hari untuk mendapatkan rawatan di hospital.

Bagaimanapun, katanya, tempoh berkenaan turut mengambil kira tahap keseriusan pesakit kanser berkenaan untuk mendapatkan rawatan segera.

"Ia bergantung kepada tahap keseriusan dan keperluan perubahan pesakit kanser berkenaan.

"Sebaik sahaja dikenal pasti memerlukan rawatan keceemasan, pesakit akan segera

dirawat. Kalau tidak pun, mereka diberikan masa paling lewat sebulan tapi ia bergantung kepada keutamaan dan kes tersebut.

"Kadang-kadang ada juga kes di mana pesakit terus dirawat dan dibedah pada keesokan harinya selepas disahkan menghidap kanser dan memerlukan rawatan segera," katanya pada sidang akhbar selepas menyempurnakan sambutan Hari Kanser Sedunia di sini semalam.

Katanya, tidak wujud isu menunggu lama bagi pesakit kanser mendapatkan rawatan memandangkan KKM mempunyai sembilan hospital khusus bagi rawatan kanser.

Dr. Dzulkefly berkata, isu itu tidak timbul kerana setiap klinik kesihatan telah dilengkapi dengan kemudahan pengesanan awal supaya boleh merujuk terus kepada hospital KKM.

Menurutnya, antara hospital khusus bagi rawatan kanser ter-

masuk Hospital Kuala Lumpur (HKL), Institut Kanser Negara (IKN), Hospital Sultan Ismail di Johor, Hospital Pulau Pinang (HPP), Hospital Likas di Sabah dan Hospital Umum Sarawak.

"Kita turut bekerjasama dengan pihak swasta bagi rawatan pesakit kanser," katanya.

Dalam pada itu, katanya, kerajaan juga telah menyediakan perkhidmatan saringan kanser secara percuma di klinik kesihatan iaitu saringan kanser usus, pemeriksaan klinikal payudara dan mulut.

"Ujian saringan ini diharapkan dapat membantu pengesanan awal dan seterusnya membolehkan rawatan awal dapat diberikan.

"KKM juga menyediakan program vaksinasi human papillomavirus (HPV) di sekolah untuk pelajar perempuan berusia 13 tahun atau tingkatan satu," ujarnya.

'Pilih hospital jalan akhir rawat kanser'

KOTA BHARU - Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) mendapati sebanyak 90 peratus pesakit kanser di Kelantan memilih untuk mendapatkan rawatan awal secara tradisional berbanding rawatan di hospital.

Pengarahnya, Datuk Dr. Zaini Hussin berkata, kebanyakan pesakit kanser memilih rawatan di hospital sebagai jalan terakhir.

"Langkah itu perlu dielakkan dalam usaha meningkatkan kesedaran untuk mendapatkan saringan awal di hospital.

"Selain rasa takut untuk menerima rawatan di hospital, kebanyakan pesakit kanser lebih cenderung mendengar nasihat masyarakat sekeliling untuk mendapatkan rawatan tradisional," katanya pada sidang akhbar selepas Sambutan Hari Kanser Sedunia 2024 Peringkat Negeri Kelantan di Auditorium Kompleks Rawatan Harian Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), di sini semalam.

Jelas beliau, hanya 45 peratus pesakit kanser tahap satu dan dua di Kelantan yang mempunyai kesedaran awal untuk menjalankan ujian saringan dan rawatan di hospital.

"Jumlah itu menunjukkan kesedaran pesakit kanser untuk mendapatkan rawatan awal masih lagi rendah. Baki 55 peratus pesakit kanser pula datang untuk menerima rawatan di hospital selepas disahkan berada pada tahap tiga dan empat.

"Pengesanan pesakit kanser sangat penting kerana penyakit itu dapat dirawat dengan lebih baik melalui rawatan tepat sekiranya ia dikesan daripada peringkat awal.

"Rawatan awal juga dapat mengurangkan kos perubatan. Apabila pesakit ke hospital ketika sudah berada pada tahap tiga dan empat, ia memerlukan kos rawatan yang lebih tinggi," katanya.

Dalam pada itu, Dr. Zaini berkata, kanser payudara dan kolorektal atau usus merupakan dua penyakit barah yang mencatat kes tertinggi di Kelantan dalam tempoh lima tahun.

Katanya, berdasarkan statistik Registri Kanser Kebangsaan yang dilakukan setiap lima tahun sekali, terdapat sebanyak 980 penghidap kanser payudara dan 781 penghidap kanser kolorektal di negeri ini sepanjang 2017 sehingga 2021.



DR. ZAINI (dua dari kiri) ketika gimik Sambutan Hari Kanser Sedunia 2024 Peringkat Negeri Kelantan di HRPZ II, Kota Bharu semalam.

AKHBAR : KOSMO AHAD
MUKA SURAT : 36
RUANGAN : DUNIA

Lebih separuh pelajar Britain ketagih vape

LONDON – Satu kajian mendapati bahawa lebih separuh daripada keseluruhan pelajar di Britain ketagih menghisap rokok elektronik atau vape, lapor akhbar *The Sun* kelmarin.

Daripada jumlah tersebut, hampir 75 peratus mula ketagih menggunakan vape ketika melanjutkan pelajaran di peringkat universiti.

Laman berita pelajar, *The Tab* mengadakan temu bual bersama 6,000 mahasiswa universiti untuk mengkaji kadar ketagihan vape dalam kalangan pelajar.

Pihaknya mendapati 57 peratus pelajar terbabat ketagih menggunakan vape pakai buang, meningkat 27 peratus

berbanding setahun sebelumnya.

Lebih membimbangkan apabila 52 peratus responden berkata, mereka tidak pernah merokok sebelum terjebak dalam tabiat menghisap vape.

Selain itu, 34 peratus responden berkata bahawa mereka dapat menghabiskan satu tiub vape pakai buang dalam masa hanya sehari atau semalaman.

Sebanyak 16 peratus responden dilaporkan mengalami komplikasi kesihatan sejak menggunakan vape.

Antara masalah kesihatan yang dihadapi termasuklah penyakit ulser, sesak nafas dan batuk. – AGENSI



RAMAI pelajar di Britain ketagih menggunakan vape. – YAHOO

AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

Tunggu 30 hari untuk dapatkan rawatan kanser

CYBERJAYA: Kementerian Kesihatan tidak mengesan sebarang isu pesakit kanser yang terpaksa menunggu terlalu lama bagi mendapatkan rawatan terutama di hospital-hospital kerajaan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, mengikut kebiasaan, setiap pesakit kanser hanya perlu menunggu sekurang-kurangnya 30 hari untuk mendapatkan rawatan di hospital.

Bagaimanapun, katanya, tempoh berkenaan turut mengambil kira tahap keseriusan dan keperluan perubatan pesakit kanser berkenaan untuk mendapatkan rawatan segera.

“Sebaik sahaja dikenal pasti memerlukan rawatan kecemasan, pesakit akan segera dirawat. Kalau tidak pun, mereka diberikan masa paling lewat sebulan tetapi ia bergantung kepada keutamaan dan kes tersebut.

“Kadang-kadang ada juga kes di mana pesakit terus dirawat dan dibedah pada keesokan harinya selepas disahkan menghidap kanser dan memerlukan rawatan segera,” katanya dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan sambutan Hari Kanser Sedunia di sini, semalam.

Katanya, KKM mempunyai sembilan hospital khusus bagi rawatan kanser, manakala setiap klinik kesihatan dilengkapi dengan kemudahan pengesanan awal supaya boleh merujuk terus kepada hospital KKM.

Menurutnya, antara hospital khusus bagi rawatan kanser termasuk Hospital Kuala Lumpur (HKL), Institut Kanser Negara (IKN), Hospital Sultan Ismail di Johor, Hospital Pulau Pinang (HPP), Hospital Likas di Sabah dan Hospital Umum Sarawak selain bekerjasama dengan pihak swasta.

AKHBAR : SINAR AHAD
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN



30 HARI TUNGGU RAWATAN KANSER

- Bilangan pesakit kanser di Malaysia terus meningkat apabila lebih 168,000 kes dilaporkan menerusi Registri Kanser Kebangsaan bagi tempoh lima tahun dari 2017 hingga 2021.
- Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly bagaimanapun berkata, ketika ini pesakit perlu menunggu masa sekurang-kurangnya sebulan untuk mendapatkan rawatan di hospital kerajaan, bergantung tahap kesihatan dan keseriusan penyakit dihadapi.
- Beliau bagaimanapun berkata, isu menunggu lama tidak sepatutnya timbul kerana Kementerian Kesihatan mempunyai sembilan hospital berkaitan kanser, dalam masa sama berusaha menjalinkan kerjasama dengan pusat perubatan swasta dan hospital universiti.

MUKA 2 & 3

AKHBAR : SINAR AHAD
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

KKM umum empat inisiatif rapat jurang penjagaan kanser

CYBERJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengumumkan empat inisiatif tambahan untuk merapatkan jurang penjagaan kanser di negara ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, usaha itu turut mendapat sokongan lebih daripada 20 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang bakal berganding bahu.

Selain itu, menurutnya, inisiatif berkenaan juga diperluaskan menerusi

kesepakatan yang dicapai antara Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM) dan Universiti Cyberjaya menerusi sesi menandatangani Memorandum Persefahaman.

"Ini kerana di peringkat universiti, kita boleh melahirkan lebih ramai sukarelawan dalam kalangan anak-anak muda yang berbakat dan bersemangat.

"Kajian-kajian di peringkat universiti juga boleh ditumpukan ke arah kaji selidik

berkaitan penjagaan kanser dalam negara. Tidak lupa juga latihan-latihan yang diberikan kepada golongan profesional kesihatan oleh pakar-pakar kesihatan," katanya ketika berucap pada Majlis Sambutan Hari Kanser Dunia Peringkat Kebangsaan 2024 di Universiti Cyberjaya di sini pada Sabtu.

Dalam pada itu, Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) yang mewakili 16 syarikat insurans akan memberikan

sumbangan 100,000 dos suntikan HPV kepada NCSM.

Sementara Axios International, sebuah organisasi yang menyediakan akses mampun kepada penjagaan dan rawatan berkualiti untuk pesakit yang memerlukan, bakal mewujudkan dana bersama Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM) yang dipanggil 'AxiosNCSM Cancer Fund'.
- Awani

Pesakit perlu tunggu sebulan

Tempoh paling lewat diperlukan bagi seseorang untuk dapatkan rawatan kanser di hospital kerajaan

CYBERJAYA

Tempoh menunggu untuk seorang pesakit kanser mendapatkan rawatan di fasiliti Kementerian Kesihatan (KKM) sekurang-kurangnya mengambil masa paling lewat sebulan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad bagaimanapun berkata, ia bergantung kepada tahap kesihatan dan keseriusan kes pesakit.

Jelas beliau, bagi pesakit yang hadir untuk mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan (KK) dan kemudian didiagnos memerlukan rawatan susulan, pakar perubatan akan terus membuat surat rujukan kepada hospital KKM.

"Kalau dinyatakan sebagai kecemasan perubatan, dia se-

gera akan dirawat. Kalau tidak pun, dia diberikan masa paling lewat sebulan tetapi bergantung kepada keseriusan kes tersebut," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari Kanser Sedunia di sini pada Sabtu.

Turut hadir, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Hassan.

Sementara itu, ditanya mengenai adakah wujud isu menunggu lama, Dr Dzulkefly berkata, perkara tersebut tidak sepatutnya timbul kerana KKM mempunyai sembilan hospital berkaitan kanser.

"Sepatutnya tidak kerana kita telah melengkapkan klinik kesihatan untuk merujuk terus kepada KKM," ujarnya.

Menurut beliau, KKM juga menjalinkan kerjasama dengan fasiliti perubatan swasta dan hospital universiti seperti Hospital Universiti Sains Malaysia di Kelantan bagi rawatan kanser sebagai usaha untuk mengurangkan waktu menunggu.

Katanya, terdapat sembilan fasiliti KKM yang menawarkan perubatan onkologi, antaranya Hospital Kuala Lumpur, Institut Kanser Negara dan Hospital Pulau Pinang.

Dr Dzulkefly juga memberitahu bahawa kes kanser di Malaysia semakin meningkat iaitu sebanyak 168,822 kes dilaporkan menerusi Registri Kanser Kebangsaan bagi tempoh lima

tahun dari 2017 hingga 2021.

Daripada jumlah itu, katanya, lima kanser tertinggi direkodkan ialah payu dara, kolorektal, paru-paru, limfoma dan hati.

Mengambil kira angka kes itu, beliau menyeru semua pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk bersama kerajaan dalam membantu aspek penjagaan kanser dan memberi sokongan kepada pesakit.

Hari Kanser Sedunia di-sambut pada 4 Februari setiap tahun dengan tema kempen tahun ini 'Merapatkan Jurang Penjagaan Kanser'. - Bernama



FOTO: BERNAMA

Dr Dzulkefly bersama wakil NGO yang menandatangani ikrar kerjasama merapatkan jurang pencegahan dan penjagaan kanser sempena Sambutan Hari Kanser Sedunia di Universiti Cyberjaya pada Sabtu.



DR DZULKEFLY



AKHBAR : SINAR AHAD
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

Orang ramai alami pengalaman ambil masa lama untuk rawatan kanser di hospital kerajaan

Oleh NURATIKAH ATHILYA
HASSAN dan FARHANA ABD KADIR
SHAH ALAM

Kementerian Kesihatan (KKM) digesa supaya mengkaji semula kelemahan perkhidmatan di setiap hospital kerajaan bagi memastikan tempoh menunggu dan prosedur rawatan pesakit kanser dapat dikurangkan.

Itu reaksi orang ramai terhadap kenyataan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad bahawa tempoh menunggu seseorang pesakit kanser bagi mendapatkan rawatan di fasiliti KKM sekurang-kurangnya mengambil masa paling lewat sebulan.

Bekas pesakit kanser, Sarina Sidek, 42, berkata, berdasarkan pengalamannya, sememangnya tempoh menunggu janji temu untuk hospital kerajaan terlalu lama sehingga menyebabkan ada pesakit lambat mendapat rawatan dan meninggalkan dunia.


"Apabila disahkan menghidap kanser pangkal rahim pada tahun 2021, saya terus mendapatkan rawatan di hospital swasta. Saya memilih untuk tidak meneruskan perubatan di hospital kerajaan kerana sudah mendengar pelbagai rungutan daripada rakan-rakan yang menghidap masalah ketika berurusan di sana.

"Bagi saya, kerajaan perlu mengutamakan pesakit kronik seperti kanser kerana tak semua orang mampu tampung kos rawatan hospital swasta. Lagipun mereka tak boleh tunggu lama sebab kanser akan merebak," katanya ketika dihubungi *Sinar Ahad*.

Suri rumah, Farazawani Md Fikri, 41, turut berkongsi pengalaman sepanjang menjaga arwah bapanya yang menghidap kanser limfoma dan prostat.

Menurutnya, kerajaan perlu menambah bilangan kakitangan di semua hospital bagi memastikan perkhidmatan

Tempoh rawatan perlu dipendekkan



Pakar Onkologi Klinikal, Dr Eznal Iswadi Mohd Mahidin (kanan) merawat pesakit kanser melalui mesin tomoterapi di HKL baru-baru ini.

5 jenis kanser tertinggi di Malaysia (mengikut jantina)

LELAKI

1. Kolorektal (kolon atau usus)
2. Paru-paru
3. Nasofarinks (dikenali sebagai kanser hidung)
4. Hati
5. Prostat

PEREMPUAN

1. P payudara
2. Kolorektal
3. Serviks (pangkal rahim)
4. Ovari
5. Korpus uteri



yang ditawarkan kepada pesakit lebih berkualiti.

"Kadang-kadang waktu menunggu juga lama untuk dapatkan rawatan dan boleh nampak kakitangan hospital tidak cukup tangan menjaga pesakit.

"Selain itu, doktor atau jururawat di hospital sentiasa mengulang soalan sama mengenai maklumat pesakit seolah-olah belum pernah diberikan kepada pihak mereka. Ini menunjukkan sistem hospital masih belum cukup baik," ujarnya.

Turut berkongsi pandangan, Muhammad Tawfik Mohd Bakhril, 35, yang bekerja sebagai penjawat awam.

Dia mencadangkan agar kerajaan supaya menambah bilangan doktor pakar bagi setiap jenis penyakit kanser di semua hospital kerajaan.

"Langkah itu perlu dilakukan bagi memudahkan proses mengenal pasti jenis



FARAZAWANI

kanser yang dihadapi oleh pesakit lebih awal dan mempercepatkan rawatan diberikan kepada pesakit," katanya yang sebelum ini menghidap kanser testis.

Pelajar, Nurul Nabila Murahafi, 20, pula mencadangkan supaya KKM menambah jumlah bilangan bilik rawatan kimoterapi agar pesakit dapat berehat dengan selesa.

Ujarnya, suasana yang kondusif dan tenang tanpa sebarang tekanan atau gangguan adalah penting sepanjang proses merawat pesakit.

"Sepanjang menjaga arwah ibu di hospital kerajaan, dari segi rawatan bersama doktor pakar sangat bagus, tetapi jumlah bilik rawatan terlalu sedikit.

"Pesakit yang baru menjalani rawatan kimoterapi mempunyai daya tahan rendah dan mudah terdedah dengan kuman, jadi bilik yang menempatkan pesakit perlu selesa serta luas," katanya.

Kesan kanser awal jimat kos

KOTA BHARU - Pengesanan kanser lebih awal membantu mengurangkan perbelanjaan rawatan dan penggunaan peralatan hospital.

Pakar Perunding Bedah Kanser Payudara dan Endokrin Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII), Datuk Dr Imi Sairi Ab Hadi berkata, sehingga kini hanya 45 peratus pesakit kanser tahap satu dan dua di Kelantan mendapatkan rawatan.

"Pengesanan awal dapat mencegah sel kanser merebak, sekali gus boleh mengurangkan bajet merawat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari Kanser Sedunia Peringkat Negeri Kelantan di sini pada Sabtu.

Beliau turut memberitahu, ramai pesakit kanser pergi ke hospital dalam keadaan teruk dan didapati berada pada tahap tiga atau empat selepas didiagnosis. "Sebelum itu mereka lebih selesa berkongsi masalah dengan individu lain dan mendapatkan rawatan tradisional.

"Jika dikesan sudah pada tahap lewat akan memerlukan bajet yang sangat besar untuk ubat-ubatan dan peralatan canggih, sedangkan kita boleh mencegah dengan membuat saringan awal," katanya.

Dr Imi Sairi turut mengukui kesedaran masyarakat mengenai saringan awal masih di peringkat rendah dan sederhana.

Lokasi, kewangan kekangan Pink Ribbon Centre

KOTA BHARU - Pembinaan Pink Ribbon Centre di negeri ini sebagai sokongan kepada pesakit kanser payudara masih tidak dapat direalisasikan berikutan kekangan kewangan dan lokasi sesuai.

Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan, Datuk Dr Zaini Hussin bagaimanapun berkata, pihaknya sedang berbincang dengan beberapa pihak untuk tujuan tersebut.

Menurut beliau, perbincangan memerlukan banyak masa berikutan memabitkan bajet dan lokasi bagi memudahkan semua pesakit kanser payudara mendapatkan khidmat di pusat itu.

"Pada mulanya ada cadangan untuk membuka pusat itu di Hospital Raja

Perempuan Zainab II, namun ruang untuk meletakkan kemudahan dan peralatan pesakit tidak lagi mencukupi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari Kanser Sedunia Peringkat Negeri Kelantan di sini pada Sabtu.

Dr Zaini berkata, hasil perbincangan awal, terdapat cadangan supaya ia memabitkan kawasan Hospital Bachok yang akan dibuka pada Mei depan, Hospital Sultan Ismail Petra Kuala Krai dan Hospital Tanah Merah.

"Kita tetap akan berusaha bagi memastikan hasrat murni ini menjadi kenyataan bagi membolehkan rawatan dan kaunseling terhadap pesakit dapat dilakukan secara maksimum," ujarnya.



Dr Zaini (dua dari kiri) menunjukkan tangan yang diwarnakan sebagai solidariti bersama pesakit kanser ketika majlis di Kota Bharu pada Sabtu.

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NATION / NEWS

PUBLIC ONCOLOGY CENTRES

'WAIT OF UP TO A MONTH FOR CANCER TREATMENT'

But emergency cases are treated immediately, says Dr Dzulkefly

SAMADI AHMAD
CYBERJAYA
news@nst.com.my

THE waiting period for cancer treatment at the Health Ministry's facilities can be about a month, depending on a patient's health status.

However, Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said for emergency cases, treatment would be provided im-

mediately.

In addition to government hospitals, Dr Dzulkefly said the ministry was also collaborating with private and university hospitals to treat cancer patients.

"At present, the Health Ministry provides nine oncology centres to assist cancer patients," he said at the World Cancer Day event at Cyberjaya University yesterday.

Present was Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan.

Among the government hospitals that provide cancer treatment are the National Cancer Institute in Putrajaya, Penang Hospital, one of the government hospitals in Johor Baru, Sarawak General Hospital, and Sabah Women and Chil-

dren's Hospital.

In a Bernama report, Dr Dzulkefly was quoted as saying that there were 168,822 reported cases between 2017 and 2021, according to the Malaysian Cancer Registry.

The five most common cancers are breast, colorectal, lung, lymphoma and liver cancer.

Dr Dzulkefly called for collaboration between the government and various entities, including non-governmental organisations, to contribute to cancer care and offer support to patients.

The theme for this year's World Cancer Day, which is celebrated annually on Feb 4, is "Close the Care Gap".

Dr Dzulkefly said the ministry was constantly striving to ensure that every individual had the opportunity to access quality can-

cer care, regardless of their circumstances.

"Everyone deserves the best chance to fight this disease."

He added that through the National Strategic Plan for Cancer Control Programme 2021-2025, the ministry provided comprehensive cancer treatment services.

"The National Cancer Institute is an example of the government's commitment to realising this matter, and the government also plans to expand facilities to improve access for patients in need and strengthen support care programmes."

On another matter, the minister said the 18 people hospitalised after an ammonia gas leak at a factory in Shah Alam were in stable condition.

The victims, all employees of

the factory, are being treated at hospitals in Klang, Shah Alam and Sungai Buloh.

"Fourteen of them suffered mild symptoms and were given outpatient treatment.

"Four others, including two pregnant women, have been warded for observation," he said, adding that no one required intensive care.

The incident on Friday morning happened after a forklift collided with a valve of an ammonia tank at the factory.

The valve was later shut off by the Fire and Rescue Department's hazardous materials team.

Shah Alam district police chief Assistant Commissioner Mohd Iqbal Ibrahim reportedly said 33 people suffered breathing difficulties after the leak.



Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad launching the World Cancer Day event in Cyberjaya yesterday. With him is Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan (third from left).
BERNAMA PIC

AKHBAR : SUNDAY STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION

Move to cut waiting period

It also depends on urgency of cases, says Dzulkefly

By JUNAID IBRAHIM
newsdesk@thestar.com.my

CYBERJAYA: The waiting period for cancer patients receiving treatment depends on several factors, including the urgency, says Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

He said that to address waiting time, public hospitals will also cooperate with private operators if necessary when handling cancer cases to ensure better treatment.

He said depending on the severity and urgency, some patients could receive treatment as early as within a month of being diagnosed.

"The long waiting time for treatment at public hospitals has been a challenge for us.

"However, if patients have been diagnosed (with cancer) during screening, the family medical specialist at public health clinics will refer them to general hospitals for treatment," he told reporters after launching World Cancer Day 2024 at University of Cyberjaya here yesterday.

Also present was Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan.

Dzulkefly said that to further strengthen cancer treatment facilities in the country, the ministry has been collaborating with teaching hospitals under the Higher Education Ministry.

"We do this (working with universities) so that we can reduce the waiting time (at public hospitals), aside from cooperating with private hospitals," he said.

Dr Muhammad Radzi said patients could even receive immediate treatment a day after receiving the results of their cancer screening.

"It depends on the urgency of the case, if it's severe, we can even provide treatment the next day.

"There should not be any issue of long waiting time for treatment as our service at the Health Ministry is to reach the community at every level," he added.

Cancer cases have been increasing in Malaysia, with 168,822 reported cases between 2017 and 2021, according to the Malaysian



Preventive measure: Maisarah Zulkiflie, a physiotherapist from Adipolabs Healthcare (M) Sdn Bhd, attending to a woman at the exhibition booth during the World Cancer Day 2024 event in Cyberjaya. — RAJA FAISAL HISHAN/The Star

Cancer Registry.

Currently, Hospital Sultan Ismail (Johor), Hospital Kuala Lumpur, Hospital Raja Permaisuri Bainun (Ipoh), Penang Hospital, Institut Kanser Negara (Kuala Lumpur), Sabah Women and Children Hospital as well as Sarawak General Hospital are the cancer centres under the Health Ministry.

There are also university hospitals under the Higher Education Ministry that offer cancer treatment.

Dzulkefly said the latest addition to cancer treatment in Malaysia is the Sarawak Cancer Centre, which is supported by both the federal and state governments.

"And in Sarawak, we aim to set up satellite radiotherapy centres in Miri and Sibul, while in Sabah, the centres will be set up in Sandakan and Tawau between

2030 and 2040," he said.

Dzulkefly said the theme for World Cancer Day 2024, "Close the Care Gap", is apt as the focus is on "patient-centred care".

He said a whole-of-nation approach in addressing cancer screening, treatment and care would provide physical and psychological well-being for patients.

He added that as the number of cancer cases has been increasing, integrated cancer care backed by "supportive" cancer care will be able to provide more focused care services to patients.

"The delivery of cancer care in Malaysia involves various fields, professions and disciplines, which include the role of non-governmental organisations (NGOs).

"Malaysian cancer NGOs are committed and active in providing comprehensive delivery of support throughout the spectrum of cancer care, from prevention

to research," Dzulkefly said.

The ministry co-organised the event with the National Cancer Society Malaysia (NCSM), University of Cyberjaya, Malaysian Medical Association and more than 20 NGOs.

During the event, Life Insurance Association Malaysia pledged to sponsor a total of 100,000 human papillomavirus (HPV) vaccine doses.

Currently, the vaccination drive helmed by NCSM is ongoing with the collaboration with MPs, government agencies and local NGOs to identify women from vulnerable groups who have yet to be inoculated.

"This pledge proves the spirit of collaboration between civil society groups in efforts to put an end to cervical cancer and protect 100,000 women and teenagers," said NCSM president Datuk Dr S. Saunthari.

Help cancer patients live better, urges doc

CYBERJAYA: More discussions are needed on how to help cancer patients have a quality of life rather than "live longer", says a panelist at a cancer care forum.

Universiti Malaya's Prof Dr Nirmala Bhoopathy said that the healthcare industry is currently delivering patient-centred care that encompasses beyond medical treatment like psychological and financial well-being.

"A lot has been happening in cancer care; it includes discovery of new medication and access to medical treatment, which will help people live longer.

"But what is missing is, how are we helping patients live better?"

"We're not just worried about the cancer cells or the organs that are cancer-stricken, but also how the person is living as a 'whole'.

"That means we have to take into account psychological well-being and how people feel emotionally. They are important because they relate to the patients," she said.

Dr Nirmala said this in a forum titled "Making Cancer Everyone's Business" in conjunction with World Cancer Day 2024 at University of Cyberjaya here yesterday.

She also highlighted the need to address financial struggles faced by cancer patients.

"We're also talking about (patients) surviving financially ... not only for treatment, but to put food on the table," she added.

Other panel members of the discussion were MSD managing director Dr Abdullahi Sheriff, Mega Fortris compliance director Mag Ng and Better Malaysia Foundation deputy chairman Datin Seri Sunita Mei-Lin Rajakumar.

The panel also discussed the roles of employers in supporting their workers who are diagnosed with cancer.

Another forum and other workshops discussing cancer care in Malaysia were also held.

These workshops included "Cancer Prevention, Screening and Early Detection" as well as "Psychosocial Support and Survivorship".

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NATION

Nation 7

SUNDAY STAR, SUNDAY 18 FEBRUARY 2024

RM14mil to upgrade 30 govt clinics in Johor

By VENESA DEVI
venesa@thestar.com.my

JOHOR BARU: A total of 30 government clinics in the state will be upgraded this year with a budget of about RM14mil, says Ling Tian Soon.

The state health and environment committee chairman said that the Johor government has identified 30 health and village clinics so far that are in dire need of an upgrade.

"Last year, we upgraded a total of 29 health and village clinics in Johor with a budget of RM13mil.

"This year, we will upgrade 30 more health and village clinics with a budget of about RM14mil allocated by the Health Ministry.

"We have identified the clinics and are now getting further details on upgrades needed at these health facilities," he said.

Ling said this in a press conference after attending the Harmoni Bersama (Together in Harmony) programme in conjunction with Chinese New Year at Fo Guang Shan-Hsingma temple here yesterday.

Also present was Johor unity, heritage and culture committee chairman K. Raven Kumar.

Separately, Ling refuted claims made in a viral video that the Batu Bakar village clinic in Johor Baru was in dire condition and no longer in operation.

"The building shown in the video is the old quarters of the clinic that are no longer in use.

"The actual clinic is located just next to the old quarters.

"The clinic is still in operation and has never closed its door to the public. It has also been upgraded previously," he said.

He added that the state Health Department will make an application to the Health Ministry for the old quarters to

be demolished and replaced with a new one.

On another matter, Ling said following the reshuffling of the Johor state executive council, the focus should now be on working for the people.

"This should put an end to all the speculation.

"The reshuffle has been done. It is time to move forward and focus on our work," said Ling.

Raven Kumar shared a similar view, saying that the state exco will continue the plans that have been put into place previously.